

06 FEB 2003

RAJA SHARJAH TEMUI DR MAHATHIR (Dengan gambar)

PUTRAJAYA, 6 Feb (Bernama) -- Raja Sharjah, Shaikh Dr Sultan bin Mohammad Al-Qassimi mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat beliau di sini hari ini.

Shaikh Sultan, yang berada di negara ini atas jemputan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), mengadakan perbincangan selama setengah jam dengan Dr Mahathir.

Semalam, Shaikh Sultan menerima ijazah kehormat Doktor Falsafah Pendidikan dari UIAM pada majlis konvokesyen khas di kampus utama universiti itu di Gombak.

Shaikh Sultan, yang mengetuai satu rombongan sembilan orang, dijadual berlepas pulang esok.

Sharjah ialah negara ketiga terbesar antara tujuh negara yang membentuk Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan merupakan antara negara terkaya dalam liga Arab.

-- BERNAMA

NM AHH AKD